

08 JAN 2002

Mahathir-Mangsa

PM DAN ISTERI LAWAT MANGSA BANJIR DI KAKI GUNUNG PULAI

KULAI, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meluangkan masa melawat sekitar kawasan tragedi banjir lumpur di Kampung Seri Gunung Pulai, di kaki Gunung Pulai di sini pada 27 Dis lepas yang mengorbankan lima orang.

Perdana Menteri yang tiba dari Kuala Lumpur pada kira-kira 9 pagi, berlepas ke puncak Gunung Pulai pada kira-kira pukul 9.30 pagi dengan kenderaan pancuan empat roda.

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting yang juga Ahli Parlimen Pontian, Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd Khaled Nordin dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira 30 minit meninjau kerosakan dan kemusnahan akibat kejadian banjir lumpur itu.

Perdana Menteri dan isteri kemudiannya mengunjungi mangsa banjir lumpur di rumah persinggahan Yang Dipertua Majlis Dearah Johor Baharu Tengah, Dollah Jaafar.

Dr Mahathir kemudiannya diraikan pada satu majlis ringkas dan beliau turut menyampaikan sumbangan peribadi sebanyak RM5,000 kepada 10 mangsa banjir lumpur di kampung berkenaan.

Mereka terdiri daripada Rahmat Wahid, 40, yang kehilangan seorang isteri serta tiga orang anak, Razak Mohktar, 44, Mohd Wahid Abdul Kassim, Ahad Jamat, 45, Jamian Kasrin, 46, Rohaya Kassim, 42, Sudin Kassim, 35, Mohd Zazali Sukimin, 30, Kataman Sam, 36, dan Nor Hadi Aman, 51.

Dalam kejadian banjir lumpur itu, Salinas Abas, 34, serta tiga anaknya, Nordiana Rahmat, 6, Md Ali Rahmat, 3, dan Noren Rahmat, setahun, serta Fatimah Shardan, 64, meninggal dunia manakala tiga lagi cedera ringan.

Ketika kejadian, semua mangsa dipercayai sedang tidur. Bagaimanapun 14 penduduk di situ berjaya menyelamatkan diri dengan berpaut pada runtuhannya kayu balak.

Banjir lumpur itu turut menghanyutkan empat buah rumah, dua buah kereta dan sebuah lori.

Perdana Menteri turut diberikan talimat mengenai kejadian banjir yang berlaku di Johor Disember lepas oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ayub Mion.

-- BERNAMA

RAM MNY LAT